



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 50/2010

IKLAN KENAIKAN PANGKAT

Permohonan dipelawa daripada staf Universiti Teknologi MARA Sarawak dalam Kumpulan Sokongan II yang sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang kosong seperti berikut:-

1. i) *Jawatan* : ***Pengawal Keselamatan***
- ii) *Gred Jawatan* : ***KP14***
- iii) *Kekosongan* : ***2***
- iv) *Penempatan* : ***UiTM Sarawak, Kampus Samarahan***
- v) *Syarat Kelayakan* :

Pengawal Keselamatan Gred KP11 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 yang kosong apabila telah :-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c) lulus semua ***penilaian tahap kecekapan*** yang ditetapkan; dan
 - d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- vi) *Tanggagaji* : ***Gred KP14***

P1T1 RM 1394.02 - P1T10 RM 2004.93
P2T1 RM 1506.73 - P2T10 RM 2212.42

2. i) *Jawatan* : ***Pembantu Am Pejabat***
ii) *Gred Jawatan* : ***N4***
iii) *Kekosongan* : ***1***
iv) *Penempatan* : ***UiTM Sarawak, Kampus Samarahan***
v) *Syarat Kelayakan* :

Pembantu Am Pejabat Gred N1 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N4 yang kosong apabila telah :-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
c) lulus semua ***penilaian tahap kecekapan*** yang ditetapkan; dan
d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- vi) *Tanggagaji* : ***Gred N4***
- | | | | | |
|------|-----------|---|-------|------------|
| P1T1 | RM 709.59 | - | P1T18 | RM 1534.57 |
| P2T1 | RM 796.16 | - | P2T18 | RM 1702.70 |

CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat melalui '***e-kenaikan pangkat***' dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di 'i-Staff Portal'.
2. Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan disokong secara (online) oleh Ketua Jabatan hendaklah dicetak sebanyak 1 salinan dan seterusnya dihantar ke Bahagian kami beserta 1 salinan keputusan ***Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Kursus Kenegaraan (jika berkenaan)*** yang telah disahkan.
3. Borang permohonan yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian kami di alamat seperti berikut :-

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pentadbiran
Universiti Teknologi MARA Sarawak
Kampus Samarahan
Jalan Meranek
94300 Kota Samarahan

MAKLUMAN / PERHATIAN

1. Pemohon bagi jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan **Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir** sebelum dibenarkan mengisi permohonan melalui e-kenaikan pangkat hendaklah terlebih dahulu mengemaskini rekod kelulusan kemahiran yang mereka perolehi (*Sijil Pengajar/Sijil Kemahiran Malaysia/MLVK atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan*) ke Bahagian Pentadbiran. Kegagalan mengemaskini rekod berkenaan boleh mengakibatkan permohonan ditolak serta merta.
2. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
3. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.
4. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek (**short-listed**) sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada 22 November 2010
Permohonan yang diterima selepas tarikh ini **tidak** akan dilayan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

No. Fail : 100-BPD(PTA.6/3)
Tarikh : 1 November 2010